

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 13

Perniagaan Harsheeta mempunyai baki-baki berikut pada 1 Januari 2018:

	RM
Bank	3,240
Tunai	480
Van pengangkutan	22,600
Alatan pejabat	3,120
Akaun belum terima	2,160
Akaun belum bayar	1,300
Kadarnyaan terakru	180
Inventori	3,200

Urus-urus niaga berikut telah berlaku dalam minggu pertama bulan Januari 2018:

- Membayar kos membaiki van pengangkutan secara tunai RM180
- Menjual barang niaga yang berkos RM350 pada harga RM520 secara tunai
- Menjelaskan bil kadarnyaan bulan lepas secara tunai
- Membayar akaun belum bayar dengan cek bernilai RM285, iaitu selepas ditolak diskaun tunai sebanyak 5%.

Dikehendaki:

- (a) Hitung modal perniagaan pada 1 Januari 2018 dan pada akhir minggu yang pertama bulan Januari 2018.
- (b) Hitung nilai aset semasa perniagaan pada akhir minggu pertama bulan Januari 2018.
- (c) Hitung nilai liabiliti semasa pada akhir minggu yang pertama bulan Januari 2018.